

HEBAHAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN BOLEH UBAH YAYASAN BANK RAKYAT BAGI TAHUN 2025 - DIPLOMA & IJAZAH SARJANA MUDA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

Pihak Yayasan Bank Rakyat (YBR) ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan untuk memohon **Pembiayaan Pendidikan Boleh Ubah (PPBU) Tahun 2025** bagi pengajian peringkat **Diploma dan Ijazah Sarjana Muda**.

YAYASAN BANK RAKYAT
يأسان بنك راکيات

Permohonan
**PEMBIAYAAN
PENDIDIKAN
BOLEH UBAH
(PPBU)**

**TARIKH DIBUKA
BERMULA 15.09.2025
SEHINGGA 15.10.2025**

**PERINGKAT PENGAJIAN
IJAZAH SARJANA MUDA & DIPLOMA**

Mohon melalui application.yayasanbankrakyat.com.my

Facebook, YouTube, LinkedIn, Instagram, Twitter icons | Yayasan Bank Rakyat | @officialybr | WWW.YAYASANBANKRAKYAT.COM.MY

Kursus pengajian yang diberi keutamaan di bawah pengkhususan/bidang pengajian berikut:

- Pengajian Islam
- Pengurusan dan Perniagaan
- Perakaunan
- Komunikasi dan Media
- Teknologi Maklumat
- Pendidikan
- Sains Sosial

Sebarang maklumat lanjut, hubungi Jabatan Penajaan Pendidikan seperti maklumat berikut:



PEMBIAYAAN PENDIDIKAN BOLEH UBAH (PPBU)

HUBUNGI
**JABATAN PENAJAAN
PENDIDIKAN**
YAYASAN BANK RAKYAT

TALIAN TELEFON

03-2612 0956
03-2612 6444
03-2202 4557
03-2615 3130

E-mel:
ppbu@yayasanbankrakyat.com.my

WAKTU OPERASI

Isnin – Jumaat
8.00 pagi – 5.00 petang



Yayasan Bank Rakyat



@officialybr

www.yayasanbankrakyat.com.my

Sekian, terima kasih.

1. Bilakah permohonan PPBU sesi 2025 akan dibuka ?

Permohonan akan dibuka dari **15 September 2025 (Isnin) sehingga 15 Oktober 2025 (Rabu)**.

2. Apakah peringkat pengajian yang ditaja PPBU bagi tahun 2025?

Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

3. Siapakah yang layak memohon PPBU?

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun semasa membuat permohonan dan semasa menerima tawaran.
- c. Umur tidak melebihi 30 tahun semasa tamat pengajian bagi peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.
- d. Telah disahkan mendapat tempat pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan Institut Perguruan (IPG) di dalam negara semasa membuat permohonan.
- e. Terbuka kepada semua pelajar **kecuali pelajar tahun akhir**.
- f. Mod Pengajian secara **SEPENUH MASA**.
- g. Mengikuti pengajian dalam semua **bidang yang diiktiraf** oleh Kementerian Pengajian Tinggi / Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) / Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) / Bahagian Pendidikan Swasta / Badan Kerajaan (Malaysia) yang berkenaan dan dipersetujui oleh Lembaga Pemegang Amanah YBR.
- h. Menyediakan **2 (dua) orang penjamin** ketika menerima tawaran PPBU YBR: Ibu atau bapa serta seorang lagi daripada kalangan warganegara Malaysia yang berumur 60 tahun dan ke bawah semasa tempoh permohonan, bekerja dan berpendapatan minimum RM1,000.00 dan ke atas.
- i. Keutamaan pemilihan permohonan diberikan kepada **Anggota / Anak Anggota (Pemegang Saham) Bank Rakyat**.
- j. Semasa tawaran, pemohon **tidak dibenarkan menerima pinjaman / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat yang sama (Double Sponsor)**.

4. Apakah syarat kelayakan akademik yang diperlukan untuk membuat permohonan?

Diploma: Pemohon perlu berkelulusan SPM dengan sekurang-kurangnya 5A.

Ijazah Sarjana Muda: Sekurang-kurangnya Diploma dengan PNGK minimum 3.30 atau Matrikulasi dengan PNGK minimum 3.30 atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan PNGK minimum 3.30 atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan kelayakan Jazyid Jiddan ke atas atau yang setaraf dengan STPM.

5. Apakah pengkhususan pengajian yang diberi keutamaan oleh Yayasan Bank Rakyat?

Hanya kursus tertentu yang berkaitan dengan Perbankan akan diberi keutamaan di bawah pengkhususan pengajian berikut: -

- a. Pengajian Islam
- b. Pengurusan dan Perniagaan
- c. Perakaunan
- d. Komunikasi dan Media
- e. Teknologi Maklumat
- f. Pendidikan
- g. Sains Sosial

6. Adakah YBR menaja pengajian bagi peringkat Asasi / Juruteknik Perakaunan Bertauliah (CAT) / Matrikulasi / Tahmudi atau yang setaraf dengannya?

Tidak. YBR hanya memberi tajaan bagi peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja.

7. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan PPBU?

Semua permohonan dan penyerahan dokumen sokongan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui portal Yayasan Bank Rakyat

<https://application.yayasanbankrakyat.com.my>

8. Adakah saya perlu menghantar salinan (bercetak) permohonan yang telah didaftarkan dalam sistem kepada YBR?

Tidak perlu. Semua permohonan dan penyerahan dokumen dilakukan secara dalam talian sahaja.

9. Bolehkah permohonan dilakukan secara manual?

Tidak dibenarkan. Permohonan PPBU hanya boleh dipohon sepenuhnya secara atas talian. Pemohon dikehendaki mendaftar akaun pengguna di Portal Permohonan YBR (<https://application.yayasanbankrakyat.com.my>) sebelum membuat permohonan.

10. Adakah pemohon perlu membuka akaun simpanan Bank Rakyat bagi melakukan permohonan?

Tidak perlu. Hanya pemohon yang berjaya ditawarkan PPBU sahaja wajib membuka akaun simpanan Bank Rakyat. Walaubagaimanapun, anda digalakkan membuka akaun simpanan Bank Rakyat.

11. Bolehkah pelajar yang sudah menerima tajaan lain membuat permohonan?

Boleh. Sekiranya ditawarkan, anda perlu memilih samada untuk meneruskan tajaan sedia ada atau menerima Pembiayaan Pendidikan Boleh UbaH (PPBU) oleh YBR. Pelajar tidak dibenarkan menerima 2 tajaan dalam satu tempoh yang sama.

YBR juga akan berhubung dengan pihak Institusi Pengajian bagi memaklumkan senarai nama pelajar yang menerima PPBU serta sebarang maklumat terkini berkaitan pelajar.

12. Saya tidak menerima sebarang e-mel pengaktifan akaun portal permohonan. Apakah yang perlu dilakukan?

Pemohon yang baru mendaftar hendaklah menyemak inbox atau spam box sebelum boleh mengakses portal permohonan.

13. Saya telah melengkapkan profil saya di portal permohonan dengan mengisi biodata. Adakah permohonan saya diterima?

Tidak diterima. Pemohon perlu melengkapkan bahagian permohonan, memuat naik dokumen sokongan dan menekan butang Hantar untuk mengesahkan permohonan. Status semakan akan menunjukkan rekod permohonan yang berjaya dihantar.

14. Adakah saya boleh membuat pindaan setelah menghantar permohonan PPBU di portal permohonan?

Tiada pindaan boleh dibuat setelah permohonan dihantar. Setiap permohonan perlu dilengkapi dengan maklumat dan dokumen sokongan yang lengkap dan tepat. Permohonan akan ditolak sekiranya maklumat yang diberikan tidak benar.

15. Adakah pemohon wajib menjawab Ujian Saringan Atas Talian (USAT)?

Wajib, pemohon yang tidak menjawab USAT dalam tempoh yang ditetapkan dikira permohonannya tidak lengkap. Sebarang rayuan bagi pengulangan USAT adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

16. Bilakah tempoh menjawab Ujian Saringan Atas Talian (USAT)?

USAT akan bermula pada **21 Oktober - 24 Oktober 2025**. Peringatan bagi menjawab USAT akan diberikan menerusi **e-mel** dan **hebahan media sosial rasmi** Yayasan Bank Rakyat.

Media sosial rasmi: -

Laman web rasmi: <https://www.yayasanbankrakyat.com.my>

Instagram ([@officialybr](#))

X / Twitter ([@OfficialYBR](#))

TikTok ([@yayasanbankrakyat](#))

Linkedin ([Yayasan Bank Rakyat](#))

Facebook (Yayasan Bank Rakyat)

17. Bagaimanakah saya boleh mengetahui bahawa permohonan PPBU saya berjaya?

Anda boleh menyemak keputusan secara atas talian melalui portal YBR. Semakan boleh dilakukan dalam tempoh 2 bulan selepas tarikh tutup permohonan. Pemohon juga akan dimaklumkan oleh YBR dari masa ke semasa melalui e-mel, portal permohonan dan SMS sama ada berjaya ataupun tidak berjaya.

18. Sekiranya saya tidak disenarai pendek bagi tawaran PPBU, bolehkah saya membuat rayuan?

Rayuan TIDAK DIBENARKAN namun pemohon boleh mengemukakan permohonan pada sesi akan datang (kecuali pelajar tahun akhir).

19. Bagaimanakah pemohon yang berjaya ditawarkan PPBU YBR ingin menolak tawaran?

Pelajar perlu mengemukakan surat rasmi penolakan beserta dokumen sokongan menjelaskan sebab-sebab penolakan tawaran tersebut.

20. Berapa lamakah tempoh penajaan PPBU?

Tempoh pembiayaan PPBU adalah seperti yang berikut: –

- a. Ijazah Sarjana Muda:** Maksimum 4 tahun (8 semester)
- b. Diploma:** Maksimum 3 tahun (6 semester)

* Tempoh penajaan YBR adalah sepadan dengan tahun semasa permohonan dikemukakan.

21. Berapakah jumlah tajaan bagi PPBU?

- a. Jumlah tajaan bagi PPBU adalah mengikut peringkat pengajian seperti yang berikut: –

Diploma: RM11,000/ 1 tahun

Ijazah Sarjana Muda: Maksimum RM12,000/ 1 tahun

- b. Pengeluaran wang adalah terus ke akaun simpanan Bank Rakyat pelajar tajaan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pelajar membuat pembayaran yuran kepada institusi pengajian masing-masing.
- c. Pengeluaran kepada pelajar tajaan adalah mengikut semester (2 semester = 1 tahun), selepas pelajar memuat naik keputusan peperiksaan di Portal Pelajar Tajaan Yayasan Bank Rakyat dan tertakluk kepada keputusan peperiksaan pelajar pada semester tersebut.

22. Adakah saya perlu menghantar borang maklumat penjamin?

Tidak. YBR akan meminta borang maklumat penjamin daripada pemohon yang berjaya sahaja.

23. Bilakah pengeluaran pertama PPBU selepas menerima tawaran?

Pengeluaran pertama akan dilakukan selepas proses dokumentasi selesai dan lengkap yang dijangka mengambil masa sehingga 3 bulan dari tarikh akhir penghantaran dokumen. Pelajar juga dikehendaki untuk menghadiri Program Pembangunan Siswa apabila ditawarkan.

24. Adakah PPBU dikenakan sebarang bayaran tambahan?

Tidak. Berpandukan konsep “Qardhul Hassan”, PPBU merupakan program tajaan yang tidak mempunyai sebarang syarat bayaran tambahan melebihi jumlah pinjaman.

25. Berapakah peratus bayaran balik dan kadar insentif bagi PPBU?

PNGK	PERATUS BAYARAN BALIK (%)	INSENTIF (%)
3.50-4.00	0	100
3.33-3.49	10	90
3.00-3.32	20	80
2.75-2.99	50	50
2.50-2.74	70	30
<2.49	100	0

26. Apakah tindakan yang perlu dilakukan selepas saya tamat pengajian dan telah mendapat keputusan keseluruhan semester?

Selepas 1 bulan menamatkan pengajian, pelajar tajaan YBR hendaklah menghantar dokumen berikut kepada En. Sufian (sufian@yayasanbankrakyat.com.my): -

- a. Transkrip penuh akademik
- b. Pengesahan tamat pengajian daripada Institusi Pengajian

Pengeluaran surat bagi bayaran balik atau penukaran PPBU kepada biasiswa akan dihantar ke alamat pelajar dan 2 orang penjamin yang didaftarkan.

27. Bagaimanakah kaedah bayaran balik PPBU?

Bayaran balik bermula 6 bulan dari tarikh tamat pengajian yang disahkan Institusi Pengajian.

Pelajar tajaan perlu melakukan bayaran balik dalam tempoh maksimum 5 tahun (60 bulan) berdasarkan surat bayaran balik.

28. Adakah pelajar tajaan diwajibkan bekerja di YBR / Bank Rakyat setelah graduasi?

Hanya pelajar yang layak dan dirasakan sesuai akan ditawarkan berkhidmat di Bank Rakyat. Namun hal ini tertakluk kepada tawaran dan kekosongan semasa.

29. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi YBR sekiranya ada sebarang pertanyaan?

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh diajukan menerusi e-mel dan hubungi Jabatan Penajaan Pendidikan, Yayasan Bank Rakyat:

E-mel: ppbu@yayasanbankrakyat.com.my

No.telefon: 03-2612 0956 / 03-2612 6444 / 03-2202 4557 / 03-2615 3130

Waktu operasi (kecuali Cuti Umum)
Isnin – Jumaat (8.00 pagi – 5.00 petang)

Waktu Rehat

Isnin – Khamis : 1.00 tengah hari – 2.00 petang
Jumaat : 12.30 tengah hari – 2.30 petang